



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

*PELAN INOVASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA*

2017 – 2020

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1 - PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang JANM	3
1.2 Visi	3
1.3 Misi	3
1.4 Objektif	4
1.5 Punca Kuasa (Inovasi)	4
1.6 <i>Stakeholders</i> dan Pelanggan	5
BAB 2 – PELAKSANAAN PELAN INOVASI JANM	
2.1 Tujuan	6
2.2 Definisi Inovasi	6
2.3 Bidang dan Kategori Inovasi	7
2.4 Pendekatan	9
2.5 Struktur Pengurusan Inovasi	10
2.6 Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM	11
2.7 Fungsi Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM	11
2.8 Fungsi Unit Dasar, Strategik dan Inovasi	11
BAB 3 – STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN	
3.1 Model Pengurusan Strategik	13
3.2 Analisis Persekitaran	13
3.3 Objektif Strategik	14
3.4 Pelan Tindakan	16
3.5 Kesimpulan	20
3.6 Semakan Semula	20
BAB 4 - PENUTUP	
4.1 Rumusan	21
LAMPIRAN A	22
LAMPIRAN B	24
RUJUKAN	26

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang JANM

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk memastikan sistem kewangan dan perakaunan sektor awam disampaikan kepada pemegang taruh (*stakeholder*) dengan efektif. Pemegang taruh JANM terdiri daripada pelanggan dalaman seperti warga JANM, manakala pelanggan luaran terdiri daripada warga perkhidmatan awam, Pegawai Pengawal di Kementerian, Agensi dan orang awam.

Perkhidmatan JANM yang utama adalah mengeluarkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, selaku Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Ketua Perkhidmatan skim perakaunan sektor awam. Selain itu, JANM juga menyediakan dan membangunkan sistem perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta memberi khidmat nasihat berkaitan sistem perakaunan badan berkanun persekutuan. JANM juga mengawal selia pemberian lesen juruaudit dan penyelesaian syarikat serta peneraju dalam pembangunan piawaian perakaunan sektor awam.

1.2 Visi

Menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

1.3 Misi

Menyedia dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.

1.4 Objektif

- ❖ Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- ❖ Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi Kerajaan.
- ❖ Membantu Kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- ❖ Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- ❖ Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

1.5 Punca Kuasa (Inovasi)

- 1** Surat Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 29.01.2010 - Pelaksanaan Hari Inovasi dan Usaha - Usaha Meningkatkan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam
- 2** Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 (Peraturan Mengenai Keraian Rasmi)
- 3** Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3 (Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi)
- 4** Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.1/2016

1.6 Stakeholders dan Pelanggan



BAB 2: PELAKSANAAN PELAN INOVASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2.1 Tujuan

Jabatan kini berhadapan dengan cabaran yang kompleks daripada pelbagai sudut berikutan dengan perubahan sosial dan ekonomi sedunia. Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dalam menghasilkan perkhidmatan yang memenuhi serta melangkaui ekspektasi pelanggan dan *stakeholders*. Justeru itu, jabatan perlu berubah dalam melangkaui ekspektasi tersebut melalui pembudayaan inovasi, kualiti dan penerapan kreativiti. Sebagai salah satu Agensi Pusat Dan Jabatan Utama (APJU), jabatan perlu menerajui perancangan, pembangunan, pengurusan dan dasar yang berinovatif. Pelan Tindakan Inovasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia ini disediakan bertujuan seperti berikut:-

- Sebagai panduan dari segi dasar, strategi, pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktiviti inovasi;
- Sebagai panduan yang boleh digunapakai dalam penyediaan program dan aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat JANM; dan
- Memberi pengiktirafan dan promosi terhadap hasil inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi.

Pelan ini juga diharap dapat membentuk individu yang kreatif di kalangan warga jabatan serta membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kerja seharian bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan visi dan misi Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2.2 Definisi Inovasi

Inovasi merupakan hasil pelaksanaan cetus idea – idea kreatif bagi menghasilkan sesuatu yang baharu atau penambahbaikan ke atas sesuatu yang sedia ada melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D). Inovasi yang dihasilkan berupaya

menambah nilai semasa serta membawa tranformasi daripada amalan sedia ada kepada amalan yang lebih baik. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses dan teknologi.

2.3 Bidang dan Kategori Inovasi

Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bil 1 Tahun 2016 menggariskan dua bidang inovasi iaitu **Inovasi Sosial** dan **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**. Kedua-dua bidang ini seterusnya dikategorikan kepada dua iaitu penciptaan dan penambahbaikan.



Bidang Inovasi

Bidang inovasi sosial merangkumi **kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat. Inovasi sosial** mempunyai ciri – ciri utama seperti berikut:

- Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik;
- Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu-individu dalam masyarakat; dan

- Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.

Bidang Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Ia merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- Budaya Kerja;
- Pengurusan Kewangan dan Aset;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Ciri – ciri utama **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan** adalah:

- Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan;
- Meningkatkan kecekapan dan mengoptima kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia;
- Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan; dan
- Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.

Kategori Inovasi

Kategori inovasi bagi bidang **Inovasi Sosial** dan **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan** adalah seperti berikut:

(a) Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

(b) Inovasi Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

2.4 Pendekatan

Selaras dengan misi JANM untuk menjadi organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam, JANM perlu sentiasa lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan perkhidmatan yang menjurus kepada keperluan dan kehendak *stake holder* dan pelanggan. Melaluinya, dengan medium dan struktur organisasi yang baik, JANM telah mewujudkan satu mekanisme bagi menggalakkan pembudayaan inovasi melalui pelbagai aktiviti termasuk mesyuarat, perbincangan, lab, aktiviti pembelajaran, program kesedaran, aktiviti promosi, penerbitan dan pertandingan – pertandingan yang bertujuan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi.

2.5 Struktur Pengurusan inovasi JANM

Struktur pengurusan inovasi diwujudkan bagi membolehkan pembentukan budaya inovasi dilaksanakan secara sistematik. Struktur Pengurusan Inovasi JANM terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Inovasi dan Jawatankuasa Kerja Inovasi seperti berikut:

A. Struktur Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM

Pengerusi	:	Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Ahli	:	Pengarah Bahagian Ketua Unit Integriti
Urus Setia	:	Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

B. Struktur Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM

Pengerusi	:	Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan
Ahli	:	Timbalan Pengarah Bahagian Wakil Unit Integriti Wakil Unit Kewangan, BPPP Wakil Unit Pengurusan Am dan Aset, BPPP
Urus Setia	:	Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

2.6 Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM

- 1) Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- 2) Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan;
- 3) Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif;
- 4) Memberi pengiktirafan kepada warga Jabatan yang menghasilkan inovasi;
- 5) Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga Jabatan;
- 6) Menilai dan memantau keberkesanan projek inovasi;
- 7) Memperaku projek inovasi ke pertandingan KIK Kementerian;

2.7 Fungsi Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM

- 1) Menyediakan cadangan program/aktiviti inovasi yang akan dijalankan pada tahun yang berkenaan;
- 2) Memastikan pelaksanaan program/aktiviti inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada tahun berkenaan berjalan dengan lancar;
- 3) Menyelaras pelaksanaan perluasan idea inovasi dan projek inovasi warga JANM yang telah diluluskan; dan
- 4) Menyelaras promosi hasil inovasi yang telah dihasilkan oleh warga JANM.

Terma rujukan Struktur Pengurusan Inovasi JANM adalah seperti di **Lampiran A & B**.

2.8 Fungsi Unit Dasar, Strategik dan Inovasi JANM


- 1) Menyelaras program dan pembudayaan inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM;
- 2) Bertindak sebagai urusetia kepada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Kerja Inovasi JANM;

- 3) Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi;
- 4) Meneliti cadangan-cadangan program/aktiviti inovasi oleh Bahagian;
- 5) Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program-program berunsurkan peningkatan inovasi dan kreativiti secara terancang dan sistematik;

Kejayaan program pembudayaan inovasi dan kreativiti di sesebuah Jabatan adalah bergantung kepada komitmen dan penglibatan seluruh warganya. Oleh itu, struktur Pengurusan Inovasi JANM yang telah diwujudkan adalah mengambil kira penglibatan seluruh warga JANM dari pihak Pengurusan Atasan sehinggalah kepada komitmen Pengurusan di peringkat Bahagian dan warga JANM keseluruhannya.

BAB 3 : STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

3.1 Model Pengurusan Strategik



3.2 Analisis Persekitaran



3.3 Objektif Strategik dan Strategi

Analisis TOWS dijalankan bagi mengenalpasti Objektif Strategik:

	PELUANG	ANCAMAN
KEKUATAN	<p><i>Maksimakan kekuatan melalui peluang</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan jaringan kerjasama pintar dengan agensi dalam dan luar negara	<p><i>Minimakan ancaman melalui kekuatan</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan tadbir urus pengurusan inovasi
KELEMAHAN	<p><i>Minimakan kelemahan melalui peluang</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan modal insan berinovasi	<p><i>Minimakan kelemahan dengan mengambil kira ancaman</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan modal insan berinovasi dengan mengambil kira tuntutan transformasi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan

Bagi memantapkan lagi usaha membudayakan inovasi di kalangan warga JANM, strategi bagi objektif strategik yang dikenalpasti telah disusun seperti berikut:



3.4 Pelan Tindakan

Pelan Tindakan bagi Objektif Strategik dan Strategi Inovasi JANM adalah seperti berikut:

Objektif Strategik 1: Memperkasa Modal Insan Berinovasi								
Tujuan	1. Membangunkan kompetensi tenaga kerja melalui kepimpinan inovasi strategik, pembelajaran berterusan dan pengurusan ilmu inovasi serta kreatif							
Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2017	2018	2019	2020	
Strategi 1: Pembangunan kepimpinan inovasi dan kualiti strategik yang menyeluruh	Mengadakan kerjasama dengan individu / institusi / syarikat	1. Kursus	Penglibatan 80% warga dalam program pembangunan kompetensi inovasi	/	/	/	/	BPPP
		2. Bengkel		/	/	/	/	BPPP
		3. Taklimat		/	/	/	/	BPPP
Strategi 2: Meningkatkan Pembudayaan Inovasi	Kempen pembudayaan inovasi	1. Pertandingan Inovasi / KIK	Penyertaan semua warga dan minima 5 pertandingan	/	/	/	/	BPPP
		2. Hari Inovasi	Sekali setahun	/	/	/	/	BPPP
Strategi 3: Meningkatkan motivasi warga	Motivasi dan Team Building	1. Penganjuran ceramah motivasi dan team building	Sekali setiap dua tahun	/		/		Semua Bahagian

Objektif Strategik 2: Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan								
Tujuan	1. Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan 2. Merealisasikan hala tuju dasar inovasi negara							
Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2017	2018	2019	2020	
Strategi 1: Meningkatkan usaha perekeyasaan proses kerja (PPK)	Pemantauan berterusan	1. Penyemakan MPK dan FM	Penyemakan dokumen	/	/		/	BPPP BA MOF BPOPP
Strategi 2: Memperkemas kawalan dalaman	Pensijilan kualiti	1. Persijilan EKSA	Semua Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan memperoleh sijil EKSA	/	/	/	/	Semua Bahagian & JANM Negeri / Cawangan
		2. Persijilan MS ISO 9001:2015 / ISMS	Bilangan aktiviti fungsi teras yang mendapat pensijilan	/	/	/	/	BA MOF IPN BPTM
Strategi 3: Memperkasa imej Jabatan	Penjenamaan semula imej Jabatan (<i>rebranding</i>)	1. Program bersama media dan pelanggan	2 program bersama media dan pelanggan	/	/	/	/	BPPP BWTD

Objektif Strategik 3: Memperkasakan Jaringan Kerjasama Pintar dengan Agensi Dalam dan Luar Negara


Tujuan	1. Pertambahan Idea 2. Memperluaskan jaringan kerjasama							
Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2017	2018	2019	2020	
Strategi 1: Meningkatkan kerjasama dengan agensi luar	Lawatan inovasi	1. Lawatan ke agensi yang menerajui bidang inovasi / kualiti	2 lawatan	/	/	/	/	BPPP

Objektif Strategik 4: Memperkasakan Tadbir Urus Pengurusan Inovasi

Tujuan	1. Kapasiti organisasi yang cemerlang							
Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2017	2018	2019	2020	
Strategi 1: Memantapkan budaya perkongsian ilmu	Semarak perkongsian ilmu	1. Penerbitan artikel	10 penerbitan di portal <i>Knowledge Management</i> (KM) / 3 artikel di Buletin eMurni	/	/	/	/	BPPP
Strategi 2: Memperkuhkan pengurusan idea / inovasi	Penemuan inovasi	1. Cadangan idea oleh pelanggan	Jumlah idea yang dikemukakan	/	/	/	/	BPPP
	Pembangunan inovasi	1. Penyaluran cadangan inovasi	Jumlah idea yang disalurkan	/	/	/	/	BPPP
	Penggunaan inovasi	1. Mengemaskini maklumat dalam platform perkongsian inovasi (HISA)	5 idea inovasi yang dikongsi	/	/	/	/	BPPP

3.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan Pelan Tindakan Inovasi JANM menggariskan perkara – perkara seperti berikut:



3.6 Semakan Semula

Pelan Tindakan Inovasi JANM 2017-2020 ini akan disemak semula bagi membuat perubahan dan penambahbaikan yang bersesuaian tertakluk kepada keperluan semasa serta keperluan dan kehendak *stakeholders* serta pelanggan.

BAB 4 : RUMUSAN

Bagi menjadikan JANM sebagai sebuah agensi peneraju dalam bidang perakaunan dan kewangan yang mantap dan berdaya saing, usaha-usaha pembudayaan inovasi perlu diberi keutamaan. Pelan ini menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh JANM untuk meningkatkan budaya inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih inovatif dan berkesan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan semasa.

Secara keseluruhannya, warga JANM perlu memperkasakan landskap inovasi dengan merangsang inspirasi dalam menjana idea baru dan mengembang bakat sedia ada serta mengeksplotasi kemampuan kreativiti dan inovatif modal insan JANM ke peringkat optimum.

TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

1. PENERUSI

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

2. KEAHLIAN

2.1 Pengarah BPPP

(bertindak sebagai Pengerusi Gantian apabila ketiadaan Pengerusi)

2.2 Pengarah BPOPP

2.3 Pengarah PPPA

2.4 Pengarah BWTD

2.5 Pengarah BPAD

2.6 Pengarah BA MOF

2.7 Pengarah BPTM

2.8 Pengarah BPOPA

2.9 Pengarah BKP

2.10 Pengarah IPN

2.11 Ketua Unit Integriti

Nota : Jika ketiadaan seseorang Pengarah Bahagian/Ketua Unit di sesuatu mesyuarat, beliau hendaklah digantikan atau diwakilkan dengan Timbalan Pengarah Bahagian yang berkenaan.

3. KEKERAPAN MESYUARAT

Mesyuarat diadakan 3 kali setahun.

4. SKOP

- (i) Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- (ii) Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan;
- (iii) Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif;
- (iv) Memberi pengiktirafan kepada warga Jabatan yang menghasilkan inovasi;
- (v) Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga Jabatan;
- (vi) Menilai dan memantau keberkesanan projek inovasi;
- (vii) Memperaku projek inovasi ke pertandingan KIK Kementerian;

5. URUS SETIA

Unit Dasar, Strategik dan Inovasi

Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA KERJA INOVASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

1. PENERUSI

Pengarah

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

2. KEAHLIAN

- 2.1 Timbalan Pengarah BPPP
(bertindak sebagai Pengerusi Gantian apabila ketiadaan Pengerusi)
- 2.2 Timbalan Pengarah BPOPP
- 2.3 Timbalan Pengarah PPPA
- 2.4 Timbalan Pengarah BWTD
- 2.5 Timbalan Pengarah BPAD
- 2.6 Timbalan Pengarah BA MOF
- 2.7 Timbalan Pengarah BPTM
- 2.8 Timbalan Pengarah BPOPA
- 2.9 Timbalan Pengarah BKP
- 2.10 Timbalan Pengarah IPN
- 2.11 Wakil Unit Integriti
- 2.12 Wakil Unit Kewangan, BPPP
- 2.13 Wakil Unit Pengurusan Am dan Aset, BPPP

Nota : Jika ketiadaan seseorang Timbalan Pengarah Bahagian di sesuatu mesyuarat, beliau hendaklah digantikan atau diwakilkan dengan mana-mana pegawai Bahagian yang berkenaan.

3. KEKERAPAN

Mesyuarat diadakan 3 kali setahun.

4. SKOP

- (i) Menyediakan cadangan program/aktiviti inovasi yang akan dijalankan pada tahun yang berkenaan;
- (ii) Memastikan pelaksanaan program/aktiviti inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada tahun berkenaan berjalan dengan lancar;
- (iii) Menyelaras pelaksanaan perluasan idea inovasi dan projek inovasi warga JANM yang telah diluluskan; dan
- (iv) Menyelaras promosi hasil inovasi yang telah dihasilkan oleh warga JANM.

5. URUS SETIA

Unit Dasar, Strategik dan Inovasi

Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

RUJUKAN

- (i) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU dan Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Januari 2010.
- (ii) Pelan Inovasi Jabatan Perkhidmatan Awam
- (iii) Pelan Tindakan inovasi JANM 2013-2016